

11/01/2002

50 rakyat terbabit al-Qaeda (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Seramai 50 rakyat Malaysia dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian penganas al-Qaeda, pimpinan Osama bin Laden yang didakwa Amerika Syarikat mendalangi serangan terhadap negara itu, 11 September lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendedahkan perkara itu dalam temu ramah khas disiarkan majalah Jepun, Chuokoron, berkata sebahagian individu yang dikenal pasti itu sudah diberkas.

"Mereka ini mendapat latihan di Afghanistan," katanya dalam majalah itu yang diterbitkan semalam.

Perdana Menteri turut menyentuh pelbagai isu terutama keganasan, selain pergolakan di Afghanistan, Israel serta politik dalaman Malaysia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak memberi penjelasan lanjut mengenai latar belakang rakyat Malaysia yang dikaitkan dengan kumpulan itu.

Kerajaan sebelum ini menahan beberapa orang ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) kerana didakwa merancang menggulingkan kerajaan menerusi penggunaan kekerasan.

Dalam temu ramah itu, Perdana Menteri yang turut ditanya punca sikap anti-Amerika yang berleluasa di kalangan rakyat Malaysia sejak serangan terhadap Afghanistan, berkata ia adalah perasaan umum, termasuk di kalangan parti pembangkang.

"Hampir semua orang menentang serangan Amerika terhadap Afghanistan kerana kebanyakan yang terbunuh adalah mereka yang tidak bersalah.

"Kebanyakan anggota Taliban berjaya melepaskan diri. Osama bin Laden akan melarikan diri. Walaupun jika berjaya sekalipun (menangkap Osama dan anggota al-Qaeda) tiada jaminan ahlinya di luar Afghanistan akan lemah.

"Mereka berada di banyak negara. Kita faham operasi seperti ini kerana kita juga menangani masalah keganasan di Malaysia," katanya.

Beliau juga menyatakan pendirian Malaysia mengenai serangan terhadap Afghanistan kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush pada pertemuan di Shanghai, China tahun lalu.

"Saya menjelaskan bahawa jika saya bersetuju terhadap serangan Amerika ke atas Afghanistan, saya bukan saja diserang parti pembangkang Islam di Malaysia, malah ditolak kebanyakan rakyat Malaysia.

"Rakyat Malaysia tidak kira Pas atau Umno, Cina atau India merasakan Amerika tidak seharusnya menyerang Afghanistan, walaupun kita bersimpati dengan Amerika berikutan serangan 11 September itu.

"Walaupun saya seorang pemimpin, saya terpaksa menghormati perasaan rakyat. Presiden Bush faham maksud saya dan sebab itu beliau tidak memberi tekanan kepada saya untuk menyokongnya," katanya.

(END)